

**Majlis Pentauliahan
Ahli-Ahli Institusi Pentadbiran dan
Perundangan Islam Negeri Sembilan**

**Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia
Yang di-Pertuan Besar
Negeri Sembilan Darul Khusus,
Tuanku Muhriz Ibni Almarhum
Tuanku Munawir**

**Sabtu, 22 November 2018
11.30 pagi**

**Balairong Seri
Istana Besar Seri Menanti**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

1. Alhamdulillah segala puji ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya jua, Beta dapat berangkat ke Majlis Pentauliahah Ahli-Ahli Institusi Pentadbiran dan Perundangan Islam Negeri Sembilan pada pagi ini.
2. Beta mengucapkan tahniah kepada semua yang menerima tauliah pada hari ini. Beta yakin kamu semua akan melaksanakan tugas masing-masing dengan bersungguh-sungguh, jujur, serta penuh ikhlas agar dapat meningkatkan lagi syiar Islam dalam negeri ini. Tugas ini merupakan satu amanah Allah yang harus dipikul demi kesejahteraan umat Islam sejagat. Firman Allah s.w.t. dalam Surah An Nisa, ayat 58 yang terkandung dalam watakah pentauliahah membawa maksud, 'Sesungguhnya Allah S.W.T memerintahkan kamu untuk melaksanakan amanah kepada ahlinya'.
3. Beta juga menyeru kepada jabatan-jabatan yang berkenaan agar turut melihat sama keperluan-keperluan lain yang mampu menambah baik perjalanan pengurusan dan pentadbiran Islam. Antara keperluan yang mendesak ialah pembinaan bangunan baru dan penambahan bilangan hakim serta pegawai untuk mahkamah syariah di Negeri Sembilan. Hakim-hakim dan pegawai-pegawai syariah tidak pernah ditambah semenjak 10 tahun lalu sedangkan jumlah kes-kes syariah Negeri Sembilan semakin meningkat.
4. Jemputan untuk majlis kali ini adalah berbeza dengan jemputan dalam majlis-majlis pentauliahah ahli-ahli institusi Islam yang pernah diadakan sebelum ini. Kehadiran kali ini tidak terhad kepada yang terlibat secara langsung dengan institusi agama Islam malah jemputan dipanjangkan juga

kepada semua organisasi dan jabatan lain serta di kalangan yang bukan Islam. Ia bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai pengurusan Islam dalam negeri ini kepada semua agar masyarakat majmuk berbilang bangsa dalam negeri ini akan lebih prihatin dan memahami pendirian Islam sebenar, seterusnya hidup bermasyarakat akan lebih harmoni, hormat-menghormati dan bersatu-padu.

5. Antara isu yang harus kita dedahkan kepada masyarakat umum ialah status perkahwinan bawah umur menurut Islam yang menjadi kontroversi baru-baru ini. Jabatan Kerajaan yang bertanggungjawab perlu mengeluarkan satu penerangan dalam bahasa yang mudah difahami oleh semua kaum mengenai cara pentadbiran Islam di Negeri Sembilan dalam menangani isu ini. Dengan ini masyarakat akan mengetahui bahawa Islam sebenarnya berpegang teguh kepada prinsip keadilan dan sentiasa mempertimbangkan kebajikan seseorang individu sebelum sesuatu keputusan atau tindakan diambil.

6. Di samping itu, jemputan daripada pelbagai latar belakang kali ini, juga bertujuan untuk sama-sama mencari kaedah terbaik menangani masalah yang mendukacitakan iaitu jenayah dan gejala sosial. Yang lebih mendukacitakan, statistik menunjukkan penglibatan yang tinggi di kalangan rakyat yang beragama Islam. Lebih 90 peratus tangkapan yang dibuat ke atas kesalahan penyalahgunaan dadah adalah di kalangan individu beragama Islam, terutamanya di kawasan sekitar FELDA di Jempol. Sementara itu, daripada 83 kes tangkapan rogol yang telah dibuat sepanjang tahun ini, sebanyak 64 kes adalah tangkapan ke atas individu beragama Islam. Jenayah sumbang mahram pula melibatkan 9 kes beragama Islam daripada 10 kes keseluruhan tahun ini. Laporan yang pernah dibentangkan kepada Lembaga Pengampunan Negeri menunjukkan sumbang mahram yang terjadi adalah di

antara abang dengan adik kandung, bapa dengan anak kandung serta lebih mengejutkan ialah datuk dengan cucunya sendiri yang berusia 9 tahun. Remaja Islam di Malaysia juga terkenal aktif dalam aktiviti lumba haram motosikal sehingga mereka mendapat gelaran Mat Rempit. Gerakan militan DAESH pula turut merekrut orang Islam yang salah faham mengenai nilai-nilai dalam agama Islam untuk berjuang atas nama Islam.

7. Beta yakin pihak polis dan agensi penguatkuasaan lain dengan sedaya upaya mereka berusaha untuk memberi kesedaran kepada masyarakat dan membanteras perlakuan jenayah. Tetapi apa yang Beta ingin ketengahkan hari ini ialah perancangan yang boleh kita lakukan agar generasi akan datang tidak melibatkan diri dalam perbuatan yang tidak diingini. Kita perlu merancang sekarang walaupun program yang dilaksanakan akan mula berkesan hanya pada 10 tahun akan datang. Jika tiada sebarang langkah dibuat sekarang, *character* yang buruk dalam masyarakat tidak akan berubah sampai bila-bila. Allah s.w.t. turut menyeru umatnya supaya berikhtiar untuk berubah menjadi lebih baik seperti petikan ayat 11 surah *Ar-Rokdu* yang bermaksud, 'Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum, kecuali kaum itu sendiri yang mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri'. Ahli masyarakat seharusnya tidak mempunyai sikap sombong, mencuri, menipu, memberi dan menerima rasuah serta melakukan jenayah-jenayah yang disebutkan tadi. Sebaliknya mereka mempunyai sifat jujur dan ikhlas, merendah diri, bertoleransi serta mengamalkan tolong-menolong antara keluarga, jiran dan masyarakat. Adalah menjadi hasrat Beta agar masyarakat kita menerima seadanya nikmat yang dikecapi di samping berusaha memperbaiki diri tanpa melanggar prinsip-prinsip moral dan undang-undang. Ini bermakna orang Islam harus bersyukur kehadiran Allah S.W.T dengan apa yang dikurniakan olehNya sambil mencari rezeki yang halal.

8. Baru-baru ini, Kementerian Pendidikan telah mengumumkan pemansuhan sistem pelajaran berorientasikan peperiksaan untuk murid tahun satu hingga tahun tiga dan akan memperkenalkan kaedah baru yang lebih objektif dalam menilai perkembangan murid-murid. Ini selari dengan hasrat Beta iaitu pendidikan awal kepada murid-murid sekolah mengenai tanggungjawab sosial dan moral adalah penting supaya mereka akan lebih berdisiplin dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Sebaiknya pendidikan awal ini perlu dimulakan di rumah oleh ibu bapa dan seterusnya di sekolah oleh para guru. Para ibu bapa juga seharusnya tidak terlalu memanjakan anak-anak mereka sehingga membiarkan anak-anak melanggar peraturan-peraturan sedia ada. Contohnya, membiarkan anak-anak yang di bawah umur menunggang motosikal tanpa lesen ke sekolah, semata-mata untuk memudahkan tugas ibu bapa menghantar mereka.

9. Di sekolah rendah dan menengah, Beta disebarkan maklum bahawa murid-murid yang bukan beragama Islam diajarkan mata pelajaran Pendidikan Moral. *Syllabus* mata pelajaran Pendidikan Moral Sekolah Rendah fokus kepada mendidik para pelajar agar mampu menaakul moral iaitu kemahiran menilai sesuatu perbuatan baik atau jahat, dan salah atau benar. Melalui Pendidikan Moral juga pelajar diterapkan perasaan murni hati iaitu berasa gembira apabila melakukan kebaikan dan bersalah apabila melakukan kesalahan. *Syllabus* Pendidikan Moral ini cukup baik dalam memberi pendidikan dan kesedaran sosial kepada para pelajar dan adalah menjadi kerugian besar kepada para pelajar Islam sekiranya tidak didedahkan dengan pembelajaran seperti ini.

10. Di Negara Jepun, pendidikan awal kanak-kanak dimulakan dengan pembentukan moral dan etika, mengenali tradisi dan budaya, semangat kerja

berpasukan serta hubungan sesama rakan. Pada tahun 2014, Beta sendiri pernah melawat sebuah sekolah antarabangsa yang dikenali sebagai *Green School* di Bali, Indonesia di mana murid-murid sekolah diasuh supaya berdisiplin dan mencintai alam sekitar. Antara kaedah pendidikan mereka yang menarik ialah aktiviti harian memungut sampah di sekitar bandar oleh semua pelajar sebelum memulakan kelas. Kebiasaannya di Malaysia, memungut sampah ialah hukuman kepada murid yang melakukan kesalahan disiplin, dan mungkin akibatnya amalan memungut sampah menjadi satu perkara yang dibenci kerana mereka menganggap itu bukan tanggungjawab yang sepatutnya dilakukan.

11. Selain daripada sesi di dalam kelas, pendidikan juga harus dilakukan melalui aktiviti sukan. Umum mengetahui bahawa fizikal yang cergas akan melahirkan otak yang cerdas. Aktiviti sukan juga akan mengisi masa lapang para pelajar dan mampu mengelakkan mereka daripada melakukan aktiviti yang tidak berfaedah seperti melepak dan merempit. Di Malaysia pelbagai jenis sukan telah mula diminati selain bola sepak dan badminton. Oleh itu, kemudahan-kemudahan untuk bermain sukan-sukan ini harus dibina atau ditambah baik serta semua pihak termasuk ibubapa, guru-guru dan masyarakat harus memberi galakan kepada para pelajar untuk bergiat aktif dalam sukan-sukan tersebut. Tujuannya bukanlah semata-mata hanya untuk menjadi jaguh sukan tetapi sebagai satu kaedah pendidikan yang membantu perkembangan pelajar agar menjadi lebih cemerlang. Pada tahun 2015, Beta pernah ke Jempol menghadiri satu program anjuran 1MCC di mana mereka telah memperkenalkan satu konsep yang dinamakan *education through sport*. Konsep ini menggunakan aktiviti sukan sebagai satu kaedah mendidik para pelajar menjadi seorang pelajar yang berdisiplin dan bertanggungjawab.

12. Aktiviti sukan juga tidak semestinya berteraskan aktiviti sukan fizikal. Sukan bukan fizikal yang berasaskan intelektual juga dilihat mampu menerapkan sikap positif dalam diri para pelajar. Ibu bapa dan guru amat perlu menggalakkan permainan berasaskan intelektual seperti catur dan lain-lain. Di samping itu, kegiatan ko-kurikulum tradisi seperti Pengakap, Pandu Puteri, Bulan Sabit Merah dan St. John Ambulans juga harus terus diberikan galakan. Aktiviti yang dijalankan boleh ditambah baik melalui kerjasama dengan CSR syarikat-syarikat korporat dan NGO-NGO seperti Kelab Rotary.

13. Kecemerlangan seseorang individu bukanlah terletak pada pencapaian akademik sahaja tetapi juga nilai-nilai murni yang tersemat dalam diri mereka. Generasi muda yang ada ketika ini perlu dididik dengan pendedahan kepada moral dan akhlak yang baik agar mereka akan menjadi generasi yang penuh bertanggungjawab pada masa hadapan. Beta berharap pihak-pihak yang berkaitan dapat melihat dengan serius perkara ini dan memulakan perancangan seawal mungkin untuk membuat penambahan kepada pendidikan sedia ada termasuk pendidikan yang khas kepada pelajar Islam. Beta yakin sebarang perubahan yang kita buat pada hari ini akan memberi impak yang positif pada masa akan datang. Semoga Allah s.w.t. merahmati kita semua.

Sekian.

*Wabillahittaufig, Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.*